

Headline:	Awards a form of motivation			Date:	2015-02-07	
Media Title:	Berita Harian (Mon-Sat)		Page No:	27	Size:	23x18
Section:	Sport					
Description:	<p>A total of \$7,000 were given out to national silat exponents who came back with 12 medals - one gold, four silver and seven bronzes.</p> <p>All 17 winners received cash of between \$250 to \$2,000 at a reception held at Grand Hyatt yesterday.</p> <p>The most lucrative award of \$2,000 went to Sheik Farhan Sheik Alau'ddin who won the gold medal in the J Class (90-95 kg).</p>					

SILAT

Penghargaan sebagai perangsang

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

WANG anugerah yang diberikan mungkin tidak semestian yang diagihkan pertubuhan sukan lain kepada atlet yang mencapai kejayaan.

Namun majlis penghargaan yang diadakan buat julung-julung kali bagi menghargai pesilat yang berkalung pingat di Kejohanan Pencak Silat Dunia ke-16 semalam tidak kurang pentingnya, kata ketua pegawai eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacoob Marican.

Menurut bekas juara silat dunia itu, majlis itu diharapkan bukan sahaja dapat memberi rangsangan tambahan kepada pesilat negara bagi menyahut cabaran di masa depan, malah titik permulaan demi menaikkan imej sukan ini di Singapura.

"Pesilat kami tidak pernah meminta atau mengharapkan hadiah.

"Tapi pihak saya berasa masanya telah tiba bagi kami menunjukkan penghargaan kami dalam majlis yang lebih rasmi, terutama selepas sesebuah pertandingan penting," kata Sheik Alau'ddin yang berkongsi hasratnya melanjutkan anugerah wang ini ke-

pada atlet yang bertanding di Sukan Asia Tenggara (SEA) ke-28.

Sejumlah \$7,000 diberikan kepada pesilat negara yang pulang dengan 12 pingat - satu emas, empat perak dan tujuh gangsa.

Kesemua 17 pemenang menerima wang antara \$250 dengan \$2,000 di majlis yang diadakan di Hotel Grand Hyatt semalam.

Anugerah paling lumayan - \$2,000 - diterima satu-satunya pemenang pingat emas negara, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, yang mencapai keputusan di luar dugaan bagi memenangi acara tanding Kelas J (90-95 kilogram).

Walau kurang berpengalaman, penuntut Politeknik Nanyang berusia 17 tahun itu menewaskan pesilat Vietnam, Mach Quoc Hung, 3-2, di final yang berlangsung di Phuket pada 17 Januari lalu.

Bekas juara dunia, Shakir Juanda, yang terlepas memenangi pingat emas tetapi pulang dari Phuket dengan dua pingat - satu perak (Seni, Ganda Putra) dan satu gangsa (Tanding, Kelas H) - mendapat \$750.

Sementara itu, tiga lagi pesilat yang memenangi pingat perak - Nur Suhaila Mohamed Saiful (Tanding, Kelas



PERANGSANG MASA DEPAN: AP Mountbatten, Encik Lim Biow Chuan (*kanan*), bersalaman dengan pemenang pingat emas negara, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, sambil diperhatikan pesilat negara yang lain di majlis anugerah semalam. - Foto M.O. SALLEH

D), Muhammad Iqbal Abdul Rahman (Seni, Tunggal Putra) - serta Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin (Seni, Ganda Putra) memenangi \$500 setiap seorang.

Lagi 12 pemenang pingat gangsa menerima \$250 setiap seorang.

Menurut Muhammad Iqbal, inisiatif Persisi bagi menghargai sumbangan pesi-

lat dan pegawai yang telah mencurah tenaga sesuatu yang amat dihargai.

"Sedikit sebanyak, ia menjadi motivasi tambahan untuk kami bagi masa depan," katanya.

Anggota Parlimen (AP) Mountbatten, Encik Lim Biow Chuan, yang singgah sebentar sebelum majlis bermula untuk bertemu pesilat ber-

harap kumpulan ini akan terus mengekalkan prestasi baik kebelakangan ini, terutama dengan Sukan SEA menjelang Jun ini.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan bagi persembahan cemerlang di kejohanan dunia baru-baru ini... terutama kepada Sheik Farhan yang menjadi juara dunia dalam Kelas J," katanya.